

NILAI-NILAI MURNI DALAM KEUSAHAWANAN ISLAM: SATU KAJIAN TERHADAP USAHAWAN BERJAYA WILAYAH UTARA

Shuhairimi Abdullah

Pusat Kemahiran Komunikasi Dan Keusahawanan Universiti Malaysia Perlis,
Blok B, Kompleks Pusat Pengajian, Jalan Kangar - Arau, 02600 Arau, Perlis;
E-Mel: shuhairimi@kukum.edu.my; **Tel:** 04-9242280; **Faks:** 04-9798175;

Tahap Pengajian: Ijazah Sarjana

Islam memandang positif terhadap aktiviti keusahawanan. Sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri, bidang keusahawanan perlu disuburkan dengan nilai-nilai teologi yang menjadi acuan kepada asas pembentukan kerangka keusahawanan Islam. Manifestasi keunikan yang ada pada sistem keusahawanan Islam dapat dilihat daripada amalan keusahawanan yang telah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Natijahnya, Nabi Muhammad S.A.W bukan hanya berjaya dalam perniagaan yang diusahakannya bahkan nilai-nilai murni yang terpancar dalam dirinya dikagumi oleh masyarakat Arab. Ini membuktikan nilai-nilai hidup yang dihayati akan mempengaruhi proses kognisi dan kandungan kognitif individu tersebut. Secara prinsipnya, setiap perilaku usahawan perlu selari dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, pengabaian terhadap nilai-nilai murni yang bercitrakan muamalah Islam akan mengakibatkan berlakunya ketempangan terhadap keseluruhan sistem tersebut. Klimaknya berlakulah penyelewengan, rasuah, spekulasi yang bertentangan dengan nilai-nilai luhur manusia, penipuan, penindasan dan perlakuan negatif yang lain sehingga boleh memudharatkan sistem sosio ekonomi masyarakat. Ini kerana doktrin keusahawanan dikatakan sebagai "kekreatifan manusia" yang menuntut usahawan untuk mencipta dan meneroka sesuatu nilai daripada yang tiada. Justeru itu, ia perlu diimbangi dengan nilai-nilai keagamaan agar tidak berlaku pencerobohan ke atas mana-mana pihak. Dari perspektif Islam, usahawan yang berjaya ialah individu yang berjaya dalam setiap lapangan yang diusahakannya dan mematuhi sepenuhnya tuntutan keagamaan serta dapat menyumbangkan keuntungan yang diperolehinya untuk kepentingan agama dan masyarakat amnya. Keuntungan material semata-mata bukanlah dianggap indicator yang menunjukkan kejayaan seseorang usahawan. Sebaliknya, kejayaan yang ingin dikecapi bukan sahaja di dunia bahkan berkesinambungan dengan alam akhirat. Kunci utama yang perlu diperolehi oleh golongan usahawan ialah mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, cadangan kertas kerja ini akan menjelaskan kepentingan kajian ini dijalankan sebagai sebagai input kepada pembangunan keusahawanan Islam yang bersifat holistik.